

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan pengenalan satu rang undang-undang anti lompat parti untuk mengelakkan fenomena ketidakstabilan politik negara berulang kembali.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, Kerajaan berpandangan bahawa setiap warganegara adalah dijamin hak untuk bebas berpersatuan selaras dengan Fasal (1)(c) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang mana hak untuk membentuk persatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ 343 dan kes Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun v. State Legislative Assembly of Sabah & Anor (No. 1, No. 2 and No. 3) 1993 [1 MLJ 26], [1 CLJ 86] dan [3 CLJ 546].

Namun, sekiranya Kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang lompat parti ini pada masa akan datang, sudah pasti kajian terperinci akan dilakukan termasuklah dengan mengadakan perbandingan *best practices* dengan negara-negara lain.

Sekian, terima kasih.